

Pas bimbang penyokong lari

BM 26 JUL 1992

JITRA: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Pas sengaja enggan mengakui dan menjelaskan ajaran Islam sebenar kepada rakyat kerana bimbang penyokongnya berpaling tadah.

Beliau berkata, bagi mencapai matlamat politik parti itu dan merebut kuasa, Pas mengaburi rakyat dengan menyatakan Islam dan politik tidak boleh dipisahkan.

Menurut Perdana Menteri, Pas mengharapkan supaya orang Islam, terutama masyarakat Melayu kampung, tidak mengetahui ajaran agama Islam sebenarnya, supaya mereka dapat meluaskan kuasa.

"Jika ada pun ajaran yang disampaikan kepada rakyat ialah pengetahuan agama yang ditafsir sendiri pemimpin Pas bagi mengekalkan sokongan terhadap parti," katanya ketika merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, antara ajaran pemimpin Pas ialah orang Islam mesti menyokong parti itu kerana ia memperjuangkan Islam.

"Mereka berkata, Pas adalah Islam dan Islam adalah Pas tanpa menjelaskan kehendak dan aja-

ran Islam sebenar.

"Bagi orang Islam yang masih tidak faham mengenai agama, mereka terpengaruh kononnya jika mereka menerima Pas, bermakna turut menerima Islam.

"Malah, dalam ajarannya, pemimpin parti itu menyatakan jika tidak sokong Pas, orang Islam tidak berpegang kepada agama dan menjadi kafir," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, pemimpin Pas tidak senang hati jika ada pihak lain ingin menjelaskan ajaran Islam sebenar kerana mereka lebih suka orang Islam kekal dengan fahaman kolot dan sekaligus dapat mempengaruhi mereka supaya terus penyokong parti.

Katanya, Pas sedar bahawa agama adalah kepercayaan dan sukar untuk menukar kepercayaan itu, terutama di kalangan orang Melayu yang berpegang kuat terhadap agama.

Berikutan itu, Pas tidak menjelaskan ajaran agama sebenar kerana bimbang penyokongnya akan memisahkan politik dengan Islam dan seterusnya menggugat sokongan parti.

"Usaha itu banyak bertumpu di Kelantan dan Pantai Timur bertujuan mengekalkan kuasa poli-

tik Pas.

"Pas menggunakan agama dan politik untuk mengekalkan kuasa bukannya untuk kebaikan rakyat," katanya.

Kesannya, ramai orang Islam di Pantai Timur terlalu fanatik sehingga menjadikannya satu akidah dan berpegang bahawa menyokong Pas adalah satu ibadat dalam Islam.

"Bagi mereka, pemimpin Pas adalah maksum, iaitu tidak berdosa, bersih dan boleh buat apa saja," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, tidak semua orang Islam berjaya dipengaruhi Pas dan mereka yang mengetahui ajaran Islam sebenar menolak amalan itu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa menjelaskan perkara sebenar yang sesuai dengan tuntutan agama, dengan menggunakan ulama yang tidak mempunyai kepentingan diri.

Dr Mahathir menolak dakwaan kononnya Umno tidak percaya pada ulama.

"Sebenarnya pada masa ini terlalu banyak ulama, tetapi kita hanya boleh menerima ulama yang ada pengetahuan tetapi tidak ada kepentingan politik," katanya.